

Pahang rancang kekal keindahan Bukit Fraser

Pembangunan baru dibeku bagi elak ekosistem tercemar

Oleh Rosli Abdul Jalil
bhnews@bharian.com.my

KUANTAN: Kerajaan negeri membekukan projek pembangunan baru di pusat peranginan Bukit Fraser bagi memelihara dan mengekalkan persekitarannya, kata Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Beliau berkata, keputusan menghalang sebarang aktiviti pembangunan di pusat peranginan itu dibuat dalam mesyuarat Exco, tiga minggu lalu bagi memastikan keindahan semula jadinya kekal seperti sekarang.

"Saya sudah lihat apa yang berlaku di seluruh dunia, jika sesuatu kawasan pelancongan dibangunkan secara berlebihan, ia merosakkannya (keadaan semula jadinya)," katanya pada sidang media selepas menyaksikan majlis memeterai perjanjian persefahaman (MoU) antara Agensi Pelaksana Pelanco-

ngan Pahang dan 20 Penganjur Pelancongan Pahang di Bukit Gambang Resort City di sini, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kesenian dan Warisan negeri, Datuk Shafik Fauzan Sharif; Ketua Pengarah Tourism Malaysia, Datuk Mirza Mohd Taib dan Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser (PKBF), Datuk Hanafiah Abdul Talib.

MoU itu bertujuan meningkatkan kesefahaman ba-

“Kita bertindak proaktif dengan melakukan pemantauan lebih teliti terhadap aktiviti pencerobohan tanah kerajaan”

Maznah Mazlan
Menteri Besar Pahang

gi membina hubungan antara kerajaan negeri dengan pihak terbabit secara langsung dalam industri pelancongan ke arah lebih gemilang.

Adnan turut melancarkan laman web rasmi pelancongan Pahang iaitu www.pahangtourism.org.my yang mengandungi maklumat berkaitan pelancongan, acara pelancongan, penginapan, kemudahan pengangkutan, restoran dan homestay, selain melancarkan buletin pelancongan *Pahang Trek*.

Adnan berkata, pembangunan di Bukit Fraser masih dibenarkan seperti projek mempertingkatkan kemudahan sedia ada dan setakat ini, pembangunannya masih terkawal dengan kurang 10 peratus kawasan keseluruhan digunakan, manakala selebihnya kekal dengan hutan.

"Contohnya, pengusaha mahu menggantikan bangunan lama dengan bangunan baru, dibenarkan berbuat demikian tetapi perlu di atas

tapak sedia ada," katanya.

Sementara itu, Adnan berkata, kerajaan negeri menggunakan pendekatan berbeza di Cameron Highlands kerana ia memerlukan usaha holistik untuk menangani aktiviti pembuangan sampah pepejal, pencerobohan tanah kerajaan terutama di kawasan puncak bukit.

"Kita bertindak proaktif dengan melakukan pemantauan lebih teliti terhadap aktiviti pencerobohan tanah kerajaan yang berleluasa di situ dan mengambil tindakan tetapi saya tidak dapat mendedahkan butiran lanjut mengenainya," katanya.

Menurutnya, kerajaan negeri tidak mampu mempertingkatkan kemudahan di semua tempat pelancongan kerana kekangan kewangan.

"Walaupun mendapat peruntukan Kerajaan Pusat dari semasa ke semasa, jumlah diterima amat terhad dan kos diperlukan untuk menaik taraf tinggi," katanya.